

HELAIAN MAKLUMAN PRODUK

Sila baca Helaian Makluman Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon kemudahan **Kredit Pusingan** dengan Hong Leong Bank Bhd.

Pastikan anda membaca terma-terma dan syarat-syarat muktamad yang akan ditetapkan di dalam surat tawaran dan perjanjian kemudahan. Kandungan yang tertera dalam helaian ini hanya meliputi maklumat umum produk.

Sila dapatkan penjelasan daripada pihak Bank sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma am yang dinyatakan di dalam dokumen ini.



**Business and Corporate Banking /
Perbankan Perniagaan Dan Korporat**

Kredit Pusingan

< Tarikh >

1. Apakah produk ini?

- Kredit pusingan adalah pinjaman yang berjangka pendek (biasanya untuk tempoh 1, 3 atau 6 bulan) untuk membiayai keperluan modal kerja peminjam.
- Kemudahan ini memberi fleksibiliti kepada peminjam untuk hanya membuat pembayaran kadar faedah yang dikenakan pada tarikh matang atau membuat pembayaran balik jumlah prinsipal sepenuhnya (termasuk kadar faedah yang dikenakan) atau membuat pembayaran sebahagian atau memperbaharui kemudahan keseluruhannya untuk tempoh jangka pendek baharu yang lain (peralihan jumlah prinsipal dan jangka masa), tertakluk kepada pembayaran kadar faedah yang dikenakan.

2. Apa yang saya perolehi dari produk ini?

- Kemudahan ini menyediakan fleksibiliti kepada peminjam dari segi:
 - (i) tempoh - pilihan untuk memperbaharui kemudahan keseluruhannya untuk peralihan tempoh 1, 3 atau 6 bulan dan
 - (ii) jumlah pengeluaran - jumlah minimum RM 100,000 atau dalam gandaan yang sama.

▪ Jumlah pembiayaan	<RM xx >
▪ Tempoh pembiayaan	<x bulan> Kemudahan ini adalah tertakluk kepada semakan berkala dan atas budi bicara Bank boleh ditarik balik atau atas permintaan ditamatkan, dimana pembayaran keseluruhan pembiayaan kemudahan perlu dibayar dengan serta-merta.
▪ Kadar Faedah	Berdasarkan kadar rujukan iaitu Kadar Kos Dana ("Cost of Fund (COF)"). Diantara COF + 0.50% setahun sehingga COF + 3.00% setahun. Kadar faedah yang dikenakan akan dikira atas baki harian pembiayaan kredit pusingan (jumlah yang digunakan). Berikut adalah fomula pengiraan kadar faedah yang dikenakan: Kadar faedah = Jumlah kredit pusingan yang digunakan x Kadar faedah x Bilangan hari / 365 hari

Contoh:	
Jumlah pembiayaan kredit pusingan	: RM 500,000
Tempoh	: 3 bulan
Kredit pusingan yang digunakan	: RM 200,000 dari Jun 1 –Jun 30
Kadar Kos Dana 3-Bulan (kadar semasa*)	: 2.27%
Kadar Faedah	: COF + 2.00% setahun
Kadar Efektif	: 4.27% setahun
Yuran Komitmen	: 1.00% setahun ke atas jumlah yang tidak digunakan
Kadar Faedah dikenakan bagi Jun	: RM 948.49

(Kadar faedah yang dikenakan = Kadar efektif dikenakan atas jumlah kredit pusingan yang digunakan + Yuran komitmen)

Pengiraan jumlah faedah yang dikenakan adalah seperti berikut Kadar efektif dikenakan atas jumlah kredit pusingan yang digunakan :
 $RM\ 701.92 = (RM\ 200,000 \times 4.27\% \times 30 / 365)$

Yuran Komitmen:
 $RM246.58 = (RM300,000 \times 1.00\% \times 30 / 365)$

*kadar semasa pada **Okt 2020**

Nota: Sila ambil perhatian bahawa kadar faedah tertera di atas adalah indikatif sahaja. Bagi jumlah pembiayaan kredit pusingan dan kadar faedah yang muktamad adalah tertakluk kepada kelulusan pihak Bank dan mungkin berbeza daripada kadar yang tertera di atas. Untuk maklumat sebenar pembiayaan kredit pusingan yang ditawarkan, sila rujuk kepada surat perjanjian tawaran.

3. Apakah kewajipan saya?

- Membuat pembayaran faedah bulanan yang dikenakan berdasarkan jumlah kemudahan pembiayaan yang digunakan.
- Membuat pembayaran jumlah tertunggak (jumlah prinsipal termasuk dan faedah yang dikenakan) yang terhutang kepada Bank pada tarikh matang melainkan jika pilihan untuk memperbaharui keseluruhan pembiayaan (peralihan untuk jumlah prinsipal dan jangka masa) untuk tempoh jangka masa yang baharu.

NOTIS PENTING: Ansuran bulanan dan jumlah bayaran balik anda akan berubah jika berlaku perubahan pada kadar kos dana / COF

Contoh:	
Jumlah pembiayaan kredit pusingan	: RM 500,000
Tempoh	: 3 bulan
Kredit pusingan yang digunakan	: RM 200,000 dari Jun 1 –Jun 30
Kadar Faedah	: COF + 2.00% setahun
Yuran Komitmen	: 1.00% setahun ke atas jumlah kredit pusingan yang tidak digunakan

Jadual di bawah menunjukkan perubahan kepada kadar faedah bulanan yang dikenakan dan jumlah kadar faedah yang dikenakan jika ada perubahan kepada kadar kos dana / COF:

Kadar	Kadar Kos Dana semasa	Jika Kadar Kos Dana naik 0.1%	Jika Kadar Kos Dana turun 0.1%
Kadar Kos Dana (COF) 3-Bulan	2.27% setahun	2.37% setahun	2.17% setahun
Kadar Efektif (COF + 2.0% setahun)	4.27% setahun	4.37% setahun	4.17% setahun
Kadar faedah dikenakan untuk bulan Jun	RM 701.92	RM 718.36	RM 685.48
Yuran Komitmen	RM 246.58	RM 246.58	RM 246.58
Jumlah kadar faedah dikenakan untuk bulan Jun	RM 948.49	RM 964.93	RM 932.05

4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

▪ Duti Setem	Seperti Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)
▪ Yuran Guaman dan Yuran Pengeluaran (jika berkenaan)	Termasuk yuran guaman untuk dokumentasi pinjaman, Cukai kerajaan, yuran dan caj untuk pendaftaran gadaian, carian tanah dan carian kebangkrapan.
▪ Yuran Komitmen	1.00% setahun akan dikenakan ke atas jumlah kredit pusingan yang tidak digunakan
▪ Yuran Kemudahan	Tidak berkenaan untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)
▪ Yuran Bayaran Pendahuluan	Bayaran pendahuluan keseluruhan jumlah pembiayaan sebelum tamat tempoh kadar faedah adalah tertakluk kepada caj penalti dan pembiayaan kerugian (jika ada) bagi penempatan semula dana prabayar di Pasaran Wang. Caj penalti akan ditentukan oleh Bank sebelum pembayaran jumlah bayaran pendahuluan dan tertakluk kepada jumlah minima sekurang-kurangnya RM500-00.

Untuk senarai lengkap yuran dan caj Perbankan Perniagaan dan Korporat, sila layari laman web kami di www.hlb.com.my

5. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

NOTIS PENTING: Untuk maklumat lanjut, sila baca terma dan syarat muktamad seperti yang ditetapkan di dalam surat tawaran, perjanjian pembiayaan kemudahan dan terma-terma dan syarat-syarat umum.

▪ Penalti Pembayaran Lewat	1.00% setahun ke atas jumlah tertunggak, menyebabkan jumlah pembayaran balik yang lebih tinggi.
▪ Kadar Kemungkiran	Jika berlaku hal kemungkiran (tiada pembayaran) untuk tiga (3) kali berturut-turut bagi pembayaran faedah dikenakan dalam tempoh pembiayaan kemudahan atau mana-mana jumlah pinjaman kemudahan yang telah disetujui untuk dibayar, Bank berhak untuk meningkatkan kadar faedah sebanyak 1.0% setahun ke atas kadar yang ditetapkan.

<ul style="list-style-type: none"> ▪ Hak Penolakan 	<p>Pihak Bank mempunyai hak untuk menolak selesai mana-mana baki kredit dalam akaun anda di Bank terhadap sebarang baki tertunggak.</p>
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Hak untuk memulakan proses pengambilan semula dan tindakan undang-undang 	<p>Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal memberi balasan kepada notis peringatan. Aset anda juga akan dihalang tebus dan segala kos akan dibiyaai oleh anda. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang baki tertunggak, sekiranya ada kekurangan setelah aset anda dijual.</p> <p>Pihak Bank mempunyai hak untuk memulakan aktiviti pengambilan semula (termasuk melantik pihak ketiga sebagai agensi pengutip hutang), menghalang tebus dan prosiding kebangkrapan.</p> <p>Nota: Tindakan undang-undang yang dikenakan ke atas anda akan menjejaskan tahap penarafan kredit anda mengakibatkan kelulusan permohonan mana-mana kemudahan kredit lebih sukar atau kadar faedah pinjaman lebih mahal.</p>

6. Bagaimana jika saya menjelaskan pinjaman sebelum tempoh matang?

- Kredit pusingan tertakluk kepada tempoh pembiayaan dan / atau tempoh peralihan. Pembayaran awal untuk menyelesaikan keseluruhan jumlah pembiayaan sebelum tamat tempoh kadar faedah adalah tertakluk kepada caj penalti dan pembiayaan kerugian (jika ada) bagi penempatan semula dana prabayar di Pasaran Wang.
- Jumlah caj penalti akan ditentukan oleh Bank sebelum pembayaran awal dilakukan dan ini tertakluk kepada jumlah minima sekurang-kurangnya RM500-00.

7. Adakah saya memerlukan insurans atau perlindungan takaful?

- Sekiranya harta anda diambil sebagai cagaran untuk kemudahan ini, polisi insurans yang berikut disyorkan diambil daripada syarikat insurans panel atau bukan panel:
 - a) Insuran Bertempoh Gadai Janji Berkurangan(MRTA) atau Takaful Gadai Janji Berkurangan (MRTT) untuk melindungi peminjam sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal
 - b) Insurans kebakaran atau insurans pemilik rumah untuk perlindungan harta (wajib)

8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan maklumat dalam butiran peribadi saya?

- Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat butiran peribadi untuk memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat peribadi anda, anda boleh mengunjungi mana-mana cawangan kami atau memaklumkan kami secara bertulis ke:

Hong Leong Bank Berhad, Commercial and SME Banking
 Alamat : Tingkat 9, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela Bukit Damansara
 50490
 Kuala Lumpur
 E-Mel : SME@hlbb.hongleong.com.my

9. Dimana boleh saya mendapatkan bantuan penyelesaian kewangan?

- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat bayaran balik, anda perlu menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan pembayaran balik alternatif. Anda boleh menghubungi kami di:

Hong Leong Bank Berhad, Commercial and SME Banking
Alamat : Tingkat 9, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela Bukit Damansara
50490
Kuala Lumpur
No Telefon : 03-7661 7777
E-Mel : SME@hlbb.hongleong.com.my
Laman Web : www.hlb.com.my

- Untuk pilihan lain, anda boleh mendapatkan perkhidmatan:

- a) Khidmat Nasihat Pembiayaan yang dirasmikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dengan kerjasama diantara Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) melalui MyKNP@CGC yang menyediakan khidmat nasihat dan cadangan kewangan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang gagal memperoleh kelulusan pembiayaan perniagaan dari institusi kewangan.

Anda boleh menghubungi KNP di:

MyKNP@CGC Unit Khidmat Nasihat Kewangan CGC
Alamat : Pegawai penasihat KNP di mana-mana cawangan di seluruh negara.
Untuk lokasi cawangan, sila rujuk kepada laman web CGC di <https://www.cgc.com.my/cgc-branches/?lang=my>
No Telefon : 03- 7880 0088
E-Mel : myknp@cgc.com.my
Laman Web : www.myknp.com.my

- b) Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai platform setempat yang menyediakan perkhidmatan penstrukturan hutang, pendidikan kewangan dan nasihat kredit kepada individu dan juga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Alamat : Tingkat 8, Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail 50250
Kuala Lumpur
No Telefon : 03- 2616 7766
E-Mel : enquiry@akpk.org.my

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di:

Advokasi Pelanggan
Alamat : Tingkat 13A, Menara Hong Leong,
No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
No Telefon : 03-7626 8801 / 03-7626 8802 / 03-7626 8812
E-Mel : customerservice@hlbb.hongleong.com.my

- Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami secara memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di:

Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK

Alamat : Blok D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur.

No Telefon : 1-300-88-5465

Faks : 03-2174 1515

E-Mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

10. Dimana boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

- Jika anda memerlukan maklumat tambahan untuk pembiayaan kredit pusingan, sila rujuk pada risalah bankinginfo yang boleh didapati di laman web www.bankinginfo.com.my.

11. Produk lain dengan kemudahan yang serupa disediakan oleh Bank

- Overdraf
- Kredit 'Flexi-Supplier'

NOTIS PENTING

JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBAYAR KADAR FAEDAH BULANAN ANDA TEPAT PADA WAKTUNYA BANK BERHAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG DAN MENGHALANG TEBUS ASET ANDA YANG DIBIYAI OLEH ATAU DICAGARKAN KEPADA PIHAK BANK

Maklumat yang diberikan dalam helaian makluman produk ini adalah sah pada <hh/bb/tt>